

ECER Pahang tarik pelaburan RM56.9b

KUALA LUMPUR 4 Julai - Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Pahang berjaya menarik pelaburan domestik dan antara-bangsa bernilai RM56.9 bilion sehingga Mei 2017 dengan mewujudkan lebih 53,565 peluang pekerjaan sekali gus meningkatkan taraf hidup rakyat negeri berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Seri Jebasingam Issace John (**gambar**) berkata, pelaburan swasta di Pahang yang sebahagian besar dipacu oleh kerjasama erat antara ECERDC dan kerajaan negeri terus berkembang bagi menjadikan Pahang sebagai destinasi utama pelabur.

Jelas beliau, pelaburan dalam sektor pembuatan di Pahang kini berjumlah RM29 bilion dengan kewujudan lebih 35,400 peluang pekerjaan termasuk pelaburan baharu dalam bentuk pembinaan kilang oleh Sichuan Migao

Chemical Fertilizer Industri Co. Ltd. di Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP).

Katanya, pembinaan pusat siber di Taman Teknologi Pahang (PTP) juga giat berjalan dan dijangka siap menjelang Ogos nanti yang memudahkan pertumbuhan industri makanan halal, bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi serta agroteknologi.

“PTP menyediakan platform terbaik bagi lebih banyak pelaburan dalam industri tersebut yang bakal muncul sebagai bidang baharu dalam sektor pembuatan Malaysia.

“Kerajaan Persekutuan akan terus melabur dalam melaksanakan projek-projek berimpak tinggi dan infrastruktur untuk terus memudahcara dan merangsang kewujudan peluang pekerjaan dan keusahawanan baharu melalui peningkatan pelaburan dan pertumbuhan sosioekonomi,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

